



Kempen 2025 ‘Gear Up & Win Big’: Perlindungan Kemalangan Diri Percuma

Terma dan Syarat

1. This ‘Perlindungan Kemalangan Diri Percuma’ Campaign (“**Kempen**”) ini dianjurkan oleh **Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (“ZLIMB”)** dan **Zurich Takaful Malaysia Berhad (“ZTMB”)** dan berlangsung dari 30 Ogos 2025 hingga 30 Disember 2025, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
2. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan menandakan penerimaan dan persetujuan mutlak dan tanpa syarat kepada semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini.
3. Perlindungan kematian akibat kemalangan bernilai RM30,000 selama 1 tahun secara percuma akan diberikan kepada warga Malaysia yang telah mendaftar butiran sah dan penuh (termasuk nama penuh seperti di Kad Pengenalan, nombor Kad Pengenalan, dan maklumat lain yang diperlukan) melalui borang pertanyaan di laman web Kempen.
4. Perlindungan kematian akibat kemalangan untuk Kempen ini disediakan di bawah Kemalangan Diri Kumpulan (KDK) oleh Zurich General Takaful Malaysia Berhad, tertakluk pada umur minimum penyertaan iaitu 16 tahun (umur yang dicapai) dan umur maksimum penyertaan iaitu 69 tahun (umur yang dicapai).
5. Tempoh sah dan penghantaran perlindungan kematian akibat kemalangan yang disediakan oleh KDK ini akan ditentukan berdasarkan jadual di bawah.

Tempoh Pendaftaran	Tempoh Perlindungan	Sijil induk akan die-melkan selewat-lewatnya pada
30 Ogos – 29 September 2025	1 Oktober 2025 – 30 September 2026	31 Oktober 2025
30 September – 29 Oktober 2025	1 November 2025 – 31 Oktober 2026	30 November 2025
30 Oktober – 29 November 2025	1 Disember 2025 – 30 November 2026	31 Disember 2025
30 November – 30 Disember 2025	1 Januari 2026 – 31 Disember 2026	31 Januari 2026

6. Tiada penaja jamin atau soal selidik kesihatan diperlukan untuk perlindungan kematian akibat kemalangan ini.
7. Setiap pelanggan hanya layak menerima satu (1) perlindungan kematian akibat kemalangan tanpa sebarang bayaran atau caruman.
8. ZLIMB dan ZTMB berhak untuk meminda terma dan syarat, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Kempen ini tanpa sebarang notis awal.
9. Keputusan ZLIMB dan ZTMB mengenai mana-mana dan/atau semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif.
10. Terma dan syarat Kempen ini hendaklah ditafsir, dikawal dan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.
11. ZLIMB atau ZTMB, sekutu, anak syarikat, pekerja, wakil, pengedar dan ejen mereka tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang dialami atau ditanggung oleh pelanggan akibat penyertaan mereka dalam Kempen ini atau dengan mana-mana Ganjaran yang ditawarkan atau dibatalkan.